



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 6, October 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Pendekatan Neo-Realisem dalam Filem Alternative Nasi Lemak 2.0

Mohd Hanafi Jumrah¹, Haryati Abdul Karim²

¹Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang

²Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Mohd Hanafi Jumrah (hanafi@hju.edu.my)

Abstrak

Filem-filem alternatif bukan hanya sekadar cerita, tetapi terdapat mesej dan idea yang tersirat yang wujud sebagai wadah media menyampaikan sesuatu ideologi. Idea yang dilontarkan melalui filem alternatif lebih bersifat kritikal dalam memaparkan realiti hubungan etnik di Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada resepsi audiens remaja terhadap filem alternatif Malaysia yang mana tumpuan adalah kepada pendekatan neo-realisme yang wujud dalam penafsiran mesej di antara informan dengan teks filem alternatif Nasi Lemak 2.0 (NL 2.0). Kajian ini juga melihat adakah wujud pendekatan neo-realism dalam penafsiran mesej di antara informan dengan teks filem? Kajian ini menggunakan dua kaedah analisis iaitu analisis tekstual dan analisis tematik dalam mencari pendekatan neo-realism yang wujud dalam filem NL 2.0 ini. Kajian ini terdiri daripada 56 orang pelajar iaitu 28 orang pelajar lelaki dan 28 pelajar perempuan dari pelbagai etnik. Neo-realisme adalah gambaran awal tentang sesuatu perkara sebenar (terutamanya aspek kehidupan) dan tidak bersifat khayalan (Bazin Andre diterjemah oleh Gray Hugh, 1972). Pendekatan neo-realisme yang dipaparkan oleh Namewee dalam filem ini sangat jelas melalui representasi kepelbagaian kebudayaan etnik di Malaysia. Pendekatan neo-realisme ini membawa kepada cerminan realiti kehidupan masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia pada masa kini yang mana informan mengaitkan naskah filem alternatif ini dengan kehidupan seharian. Selain itu juga, kajian ini melihat pendekatan neo-realisme membentuk sosiobudaya kepelbagaian etnik dalam naskah filem dan realiti sebenar informan. Penghasilan filem ini cuba memaparkan masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik secara semulajadi dan jelaslah menunjukkan bahawa filem alternatif sebagai wadah penyampaian ideologi yang membentuk penyatuan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Kata kunci: Neo-realism, filem alternatif, representasi, Nasi Lemak 2.0

Neo-Realism Approach in Alternative of Nasi Lemak 2.0 Film

Abstract

Alternative films are not just stories, but they are implicit messages and ideas that exist as a media medium that convey an ideology. The ideas conveyed through alternative films are more critical in exposing the reality of ethnic relations in Malaysia. This study focuses on the adolescent audience's reception of Malaysian alternative films which focus is on the neo-realism approach inherent in interpreting messages between informants and Nasi Lemak 2.0 (NL 2.0) alternative film text. This study also examines whether there are a neo-realist approach in interpreting messages between informants and film texts? This study uses two analytical methods - textual and thematic analysis to find the neo-realist approach that exists in this NL 2.0 movie. The study consist of 56 students, 28 boys

and 28 girls from various ethnic groups. Neo-realism is an early conception of something real (especially aspects of life) and not fantasy (Bazin Andre translated by Gray Hugh, 1972). The neo-realism approach presented by Namewee in the film is very clear through the representation of ethnic diversity in Malaysia. This neo-realism approach leads to a reflection of the reality of contemporary ethnic diversity in Malaysia where informants associate this alternative film script with everyday life. In addition, this study looks at the neo-realism approach of shaping the ethnic diversity of ethnicity in film scripts and the reality of informants. The production of the film attempts to portray the multicultural Malaysians naturally and clearly shows that alternative films serve as an ideological medium that unites the Malaysian community.

Keywords: neo-realism, alternative film, representation, Nasi Lemak 2.0

Pengenalan

Kemunculan filem alternatif pada sekitar tahun 1980-an telah membawa satu fenomena dan perspektif yang berbeza dalam produksi filem dan industri filem negara (Ngo Sheau Shi, 2015 dalam Azman Azwan et al. 2015). Perkembangan filem-filem alternatif semakin berkembang pada tahun 2000, dengan kemunculan pengarah filem seperti Yasmin Ahmad yang memperjuangkan isu-isu kaum dan etnik serta kritikan mengenai kegagalan masyarakat Malaysia. Kemunculan filem-filem Yasmin Ahmad juga telah memberi impak yang signifikan di pawagam dan masyarakat Malaysia (Lee, 2015). Kajian ini juga melihat adakah wujud pendekatan Neo-realisme dalam penafsiran mesej di antara informan dengan teks filem?

Kajian ini memfokuskan kepada pendekatan resepsi audiens remaja terhadap filem alternatif Malaysia yang mana tumpuan adalah kepada pendekatan neo-realisme yang wujud dalam penafsiran mesej di antara informan dengan teks filem alternatif Nasi Lemak 2.

Neo-Realisme

Istilah neo-realisme diberikan oleh pengkritik dan pembuat filem muda di Itali pada tahun 1940-an bagi melawan kecenderungan filem-filem yang dihasilkan oleh detektor Mussolini pada ketika itu (Bazin Andre diterjemah oleh Gray Hugh, 1972). Kehadiran filem-filem neo-realisme ini di anggap sebagai satu gerakan *verismo* (realisme) yang menentang detektor Mussolini. Pembuat filem neo-realisme menghasilkan filem-filem ini berkisarkan realiti kehidupan rakyat maka dengan itu terhasilnya filem-filem yang mengangkat tema- tema seperti kemiskinan, pengangguran dan kesusahan kehidupan rakyat (Bazin Andre diterjemah oleh Gray Hugh, 1972). Kebanyakan filem-filem neo-realisme sebelum ini merujuk kepada kehidupan kelas pekerja dalam menggambarkan keadaan hidup dan seringkali dikaitkan atau direpresentasikan dalam keadaan miskin (Bondanella, 2009).

Filem Alternatif

Filem alternatif atau juga dikenali sebagai *underground cinema* dan *independent film* (filem indie) (Pickowicz G. et al., 2006). Menurut King Geoff (2014), filem indie boleh didefinisikan sebagai filem yang mempunyai anggaran kos yang paling rendah, yang lebih radikal atau radikal politik yang unik, lebih menonjolkan kebudayaan dalam bentuk bukan konvensional serta filem yang lebih menonjol dari filem arus perdana yang dominan. Pembuatan filem indie mempunyai kos yang lebih rendah dan ianya lebih bersifat radikal dalam politik, serta filem indie lebih menonjol berbanding filem arus perdana.

Menurut Newman Z. (2011: 2), filem indie bukanlah filem arus perdana, yang mana secara umumnya, filem indie mempunyai perbezaan dari segi rintangan, representasi alternatif yang bertentangan, gaya

audiovisual dan penceritaan dan sistem peredaran budaya (*cultural circulation*). Perbezaan-perbezaan filem indie dapat dilihat melalui audiovisual dan teknik penceritaan, representasi yang bertentangan dengan filem arus perdana, berbagai rintangan seperti penapisan filem, kategori filem dan lain-lain. Bagi Nelmes (2003: 395) pula, filem alternatif merupakan filem yang menawarkan gaya pembuatan yang sangat berbeza dan perlu diperiksa dengan betul berbanding dengan filem dominan kontemporari. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa filem alternatif/indie adalah memiliki kos yang rendah, memaparkan representasi yang bertentangan, lebih radikal dari segi politik, menonjolkan kebudayaan dan perlu diperikis dengan betul dan filem yang lebih menonjol dari filem arus perdana.

Filem Nasi Lemak 2.0

Filem Nasi Lemak 2.0 (NL 2.0) merupakan sebuah filem berkonsepkan komedi sosial dalam memaparkan kepelbagaian etnik di Malaysia yang telah ditayangkan di 60 pawagam seluruh negara pada 08 September 2011. Judul filem Nasi Lemak membawa maksud sejenis menu makanan sarapan pagi nasional yang popular dan menjadi kegemaran pelbagai lapisan masyarakat. Manakala, 2.0 pula membawa maksud generasi baru komuniti online (Lee Chin *et al.*, 2011).

Filem ini diarahkan oleh Fred Chong di bawah penerbitan Prodigee Media Sendirian Berhad dengan kerjasama UB Prodigee Entertainment. Menurut Fred Chong filem ini membawa tema semangat 1 Malaysia, dan bagaimana untuk mengenali diri sendiri sebagai rakyat Malaysia (Lee Chin *et al.*, 2011). Wee Meng Chee atau lebih dikenali sebagai Namewee dan Ryon Lek merupakan penulis skrip filem ini yang memaparkan pencarian identiti rakyat Malaysia yang berlatar belakangkan rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya. Selain itu, menurut Namewee filem ini berkisarkan seorang chef menjadikan nasi lemak sebagai metafora perjalanan hidup mencari identiti diri, ini kerana nasi lemak merupakan makanan sarapan yang popular dan menjadi salah satu menu makanan kegemaran rakyat Malaysia pelbagai etnik. Filem ini turut dibintangi oleh Namewee, Adibah Noor, Afdlin Shauki, Nur Fathia, Reshmonu, Dato' David Arumugam, Pete Teo, Ho Yuhang, Felixia Yeap, Nadine Ann, Thomas, Dennis Lau, Dian Sharlin dan ramai lagi (Al Qayum, 2011).

Sinopsis Filem Nasi Lemak 2.0

Filem NL 2.0 mengisahkan bagaimana pemilik sebuah restoran iaitu Chef Huang (lakonan Namewee) yang menghadapi detik paling sukar dalam peniagaan apabila dia gagal menyediakan makanan tempatan yang disukai oleh para pelanggannya. Walaupun begitu, dia mendapat jolokan sebagai 'Hero Huang' oleh penduduk setempat kerana sikapnya yang gemar membantu mereka dalam segala hal. Chef Huang bertemu dengan Xiao K (lakonan Karen Kong) yang membuatkan dia terjebak dengan pelbagai masalah.

Bagi meningkatkan perniagaan nasi lemaknya, Chef Huang terpaksa meminta bantuan daripada penjaja gerai bernama kak Noor (lakonan Adibah Noor) yang akhirnya telah mengarahkan dia mengembara ke tiga lokasi berbeza bagi mempelajari asal-usul dan rahsia sebenar yang tersembunyi dalam nasi lemak.

Semasa pengembaraannya, Chef Huang bertemu dengan ramai 'hero tempatan' yang pelbagai etnik seperti Melayu, Baba-Nyonya dan India. Bermulanya dari situ Chef Huang mempelajari kepelbagaian budaya dalam kehidupannya. Dalam usahanya itu, Chef Huang berhadapan dengan pelbagai pengalaman baru sehingga mengubah persepsinya terhadap kehidupan pelbagai etnik.

Sorotan Literatur

Sorotan filem alternatif dapat dilihat melalui kajian oleh Ngo Sheau Shi dan Harith Baharudin (2015) dalam "Pemaparan Kepelbagaian Budaya dan Agama dalam Filem Muallaf Arahan Yasmin Ahmad" melihat kepada pemaparan isu keagamaan dengan meneliti struktur naratif dan penyusunan visual melalui pandangan ilmiah. Dengan menggunakan analisis tekstual melihat kepada mise-en-scene dan syot memaparkan isu agama yang memperlihatkan elemen kesucian agama di dalam filem ini. Filem

ini juga membincangkan bagaimana naskah filem ini digunakan sebagai artifak budaya yang menerima maksud yang dikonstruksikan melalui bahasa filem dalam konteks masyarakat tertentu. Selain itu, kajian ini juga membahaskan mengenai isu-isu kontroversial yang tercetus daripada pemahaman arbitrari berkaitan isu agama dan budaya di Malaysia.

Kajian oleh Lee Yuen Beng (2015) dalam “Yasmin Ahmad: Auteuring a New Malaysian Cinematic Landscape” melihat keenam-enam naskah filem oleh Yasmin Ahmad mencabar bukan sahaja industri filem Malaysia tetapi juga mendedahkan tabu masyarakat dan hipokrisis dalam skrin sinematik. Keenam-enam filem arahnya berbeza dengan filem-filem arus perdana yang hanya memfokuskan kepada tema cinta, sedih dan jenaka sekadar hiburan semata-mata. Tema-tema yang diangkat oleh Yasmin Ahmad berkenaan kritikan kegagalan masyarakat Malaysia khususnya orang Melayu, humor, cinta, bangsa dan etnisiti. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa karya-karya Yasmin Ahmad menonjolkan perjuangan rakyat Malaysia dalam kebudayaan dan agama serta memaparkan realiti masalah seharian yang dihadapi oleh masyarakat. Ini menunjukkan bahawa karya-karya Yasmin Ahmad telah mengubah landskap sinematik Malaysia secara meluas dengan memecahkan garis pemisah antara kaum, etnik, agama, budaya, umur dan jantina. Selain itu, kajian ini juga melihat filem-filem arahan Yasmin Ahmad memfokus kepada pelbagai budaya dan menentang isu-isu sosial, politik dan budaya yang berkait rapat dengan masyarakat Malaysia. Melalui kajian ini dapat dilihat bahawa filem-filem alternatif arahan Yasmin Ahmad membawa perubahan yang besar dalam industri filem tempatan dengan munculnya filem-filem alternatif yang lain.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Farah Azalea (2008), dalam “Controversies Surrounding Malaysian Independent Female Director Yasmin Ahmad’s First Film, *Sepet*” melihat isu-isu yang dikenadalkan oleh Yasmin Ahmad dalam filem *Sepet*, terutamanya isu yang sensitif seperti agama, bangsa, bahasa dan multikulturalisme. Kajian ini juga memberi penerangan berkenaan beberapa ciri-ciri utama dalam filem ini berkenaan pertemuan pelbagai etnik terutamanya percintaan antara Orked dan Jason (sekali tunjang utama). Kajian ini juga menyelongkar isu pertemuan pelbagai etnik dari kaca mata pengarahnya dan dapat dilihat filem ini boleh dijadikan sebagai teladan bagi rakyat Malaysia. Naskah filem *Sepet* memberi impak yang positif dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik.

Teori Representasi Media

Representasi adalah salah satu aspek yang berperanan dalam membentuk kebudayaan (Stuart Hall, 1997: 15). Fahrul Islam (2013: 144) mendefinisikan representasi sebagai tindakan merepresentasikan sesuatu peristiwa atau pun objek yang di luar dari dirinya atau biasanya adalah tanda atau simbol.

Teori representasi telah diperkenalkan oleh Stuart Hall, seorang sarjana aliran pengajian budaya (cultural studies). Hall menyatakan bahawa representasi adalah salah satu aspek yang berperanan dalam membentuk kebudayaan.

Hall mendeskripsikan representasi kepada tiga pendekatan:

- i. Reflektif- berkaitan dengan pandangan atau makna tentang representasi dalam masyarakat sosial.
- ii. Intensional-menaruh perhatian terhadap pandangan penerbit representasi tersebut.
- iii. Konstruksionis-menaruh perhatian terhadap representasi melalui bahasa, termasuk kod-kod visual.

Kajian ini menggunakan pendekatan Stuart Hall yang mana ketiga-tiga deskripsi tersebut diterima pakai, namun ada sedikit perubahan yang dilakukan ke atas pendekatan tersebut. Pendekatan ini amat bersesuaian dengan kajian ini kerana ketiga-tiga fungsi deskripsi dapat dilihat melalui informan, penerbit atau pembuat filem dan filem NL 2.0 yang dipaparkan. Pendekatan ini juga membawa pengkaji kepada pendekatan neo-realism secara reflektif, melalui pendekatan intensional pula memberikan cerminan berkenaan realiti yang cuba ditonjolkan oleh penerbit atau pembuat filem dan bagi pendekatan konstruksionis mentafsir representasi filem NL 2.0 melalui bahasa termasuk kod-kod visual.

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah perbincangan kumpulan fokus dikenali juga sebagai *focus group discussion* dengan informan. Lokasi kajian yang dijalankan ini adalah tiga buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Johor dan Sabah. Populasi yang dipilih daripada sekolah-sekolah yang terletak di kawasan bandar-bandar tertentu.

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan enam berumur 18-19 tahun dan seramai 56 orang pelajar iaitu 28 orang pelajar lelaki dan 28 pelajar perempuan dari pelbagai etnik. Kaedah persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan (purposive sampling). Terdapat lima buah sekolah yang terlibat di dalam kajian ini iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Putra, Johor, SMK Sri Sentosa, WP Kuala Lumpur, SMK Maxwell, WP Kuala Lumpur, SMK Bandaraya, Sabah, dan SMK Sancuz, Sabah.

Kajian ini menggunakan dua kaedah analisis iaitu analisis tekstual dan analisis tematik dalam mencari pendekatan neo-realisem yang wujud dalam filem NL 2.0 ini. Analisis tekstual menurut Brennen S. (2013: 192), adalah semua berkenaan bahasa, apa yang direpresentasikan dan bagaimana menggunakan akal dalam kehidupan.

Manakala, hasil daripada kaedah perbincangan kumpulan fokus ini telah ditranskripikan dan dianalisis dengan menggunakan teknik analisis tematik. Analisis ini dilakukan dengan mengenal pasti tema-tema yang terdapat di dalam kajian ini. Tema-tema itu kemudiannya dikenal pasti, dikodkan secara induktif dari rakaman temu bual berdasarkan teori (Boyatzis, 1998). Menurut Poerwandari (2009), analisis tematik adalah sebuah cara menangkap pola dari kumpulan informasi awal yang diperoleh. Ini adalah bertujuan untuk mendeskripsikan dan menginterpretasikan realiti sosial tertentu.

Data & Perbincangan

Analisis Tekstual

Hasil karya Namewee ini merepresentasikan sosiobudaya masyarakat Malaysia yang pelbagai melalui bingkai 1.



Bingkai 1

Sosiobudaya adalah amalan gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat, yang lahir dari pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan dalam pelbagai bidang hidup, untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan hidup masyarakat. Bingkai 1 merepresentasikan hidangan pelbagai rempah kari yang kebiasaannya sinonim dengan masyarakat Melayu dan India di Malaysia. Sosiobudaya pada bingkai 1 seingkali di amalkan oleh masyarakat Melayu dan India di dalam masakan. Kandungan filem ini memperlihatkan sosiobudaya kehidupan etnik-etnik di Malaysia antaranya Melayu, Cina, India dan Baba Nyonya.

Selain itu, filem ini juga memaparkan gaya hidup mengikut kelas seperti masyarakat Melayu yang duduk di kampung dan hidup berpoligami, masyarakat Cina membuka restoran dan hidup mewah, masyarakat India, hidup di estet dan menjual rempah ratus, dan masyarakat Baba dan Nyonya yang tinggal di Melaka dan hidangan masakan Cina-Melayu.

Bagi subteks tambahan pula, bingkai ini memaparkan kesudian sesuatu etnik untuk menerima budaya etnik lain. Kesudian ini juga merangkumi nilai-nilai etnik yang bersifat positif merangkumi semua aspek kehidupan iaitu pergaulan dalam kehidupan seharian, kesatuan dalam idea dan menjaga hubungan baik di antara satu dengan yang lain. Ini juga membawa maksud kesudian sesebuah etnik menerima etnik yang lain dalam persekitarannya dan menjadi kepunyaan bersama.



Bingkai 2

Bagi bingkai 2 pula merepresentasikan pakaian tradisional masyarakat Melayu dahulu seperti baju Melayu teluk belanga dan tengkolok. Kedua-duanya merupakan lambang masyarakat Melayu. Perlambangan ini sering dikaitkan dengan kepahlawanan. Bagi wanita Melayu pula filem ini memaparkan kain batik dan kebaya sebagai pakaian tradisional. Selain daripada pakaian tradisional masyarakat Melayu, filem ini juga memaparkan pakaian tradisional masyarakat India iaitu sari dan pakaian bagi masyarakat punjabi ialah salwar kameez dan kurta. Bagi masyarakat Cina, Baba dan Nyonya pakaian tradisional yang dipaparkan adalah hanfu, samfoo dan cheongsam. Pemaparan pakaian-pakaian tradisional mengikut etnik merupakan perlambangan identiti etnik yang wujud di Malaysia.

Selain itu, filem ini juga merepresentasikan nasi lemak sebagai sosiobudaya masyarakat Malaysia. Nasi lemak yang dipaparkan di dalam filem ini merupakan makanan yang menjadi kegemaran ramai tidak kira etnik. Filem ini juga menggunakan perlambangan nasi lemak bagi melambangkan kepelbagaian etnik di Malaysia. Hal ini kerana jika dilihat hidangan nasi lemak itu sendiri yang pelbagai seperti nasi lemak, kacang, timun, telur dan sambal ikan bilis sebagai perlambangan dalam filem NL 2.0 terhadap kepelbagaian etnik. Sebagai mana nasi lemak merupakan campuran nasi (golongan majoriti) dengan sambal ikan bilis, timun, telur dan kacang (golongan minoriti) yang bersatu dalam satu hidangan yang menyelerakan, begitu juga ia dapat menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, hingga mereka dapat hidup bersama secara harmoni (Sinar Harian, 2016).

Bingkai 1 dan bingkai 2 cerminan realiti kehidupan masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia merangkumi sosiobudaya dan pemaparan etnik dengan jelas. Bingkai 3 pula adalah memaparkan etnik Cina dan etnik India menjelaskan kepelbagaian etnik di dalam filem ini.



Bingkai 3

Ini bertepatan dengan filem-filem alternatif yang lain seperti *Spinning Gasing* (2001) arahan Teck Tan's, *Paloh* (2003) arahan Adman Salleh menerokai hubungan etnik antara kumpulan etnik (Beh, 2006) dan kesemua filem Yasmin Ahmad yang diperkenalkan menyentuh berkenaan hubungan etnik di Malaysia (Lee, 2015: 88). Etnik-etnik lain yang terlibat dalam filem ini adalah Melayu,

Baba dan Nyonya. Pemaparan etnik-etnik dalam filem ini adalah sama rata dan tidak ada satu etnik pun yang begitu menonjol.

Selain daripada itu, filem ini juga menyelitkan mesej-mesej yang tersirat dengan membawa maksud agar sesuatu etnik boleh mengadaptasikan kebudayaan sesuatu etnik lain dalam kehidupan seharian. Proses adaptasi ini membawa kepada konsep penerimaan sesuatu etnik dengan etnik yang lain. Penerimaan sesuatu etnik terhadap kebudayaan etnik lain tidak menjejaskan kebudayaan etnik tersebut, malahan etnik tersebut bebas mengamalkan kebudayaan masing-masing selagi tidak menjejaskan nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan.

Selain itu pemaparan kepelbagaian kebudayaan etnik di Malaysia dapat dilihat melalui bingkai 4. Pemaparan ini meliputi bahasa dan seni bela diri.



Bingkai 4

Bahasa yang digunakan dalam filem ini adalah bahasa Mandarin, Tio Ciu, Hokkien, Kantonis, Hakka, Bahasa Melayu, Inggeris, dan Tamil (Al Qayum, 2011). Bahasa Mandarin, Tio Ciu, Hokkien, Kantonis dan Hakka digunakan bagi merepresentasikan etnik Cina, manakala bahasa Melayu mewakili etnik Melayu dan bahasa Inggeris dan Tamil mewakili etnik India. Terdapat satu babak yang mana seorang berbangsa Cina bercakap dengan seorang berbangsa India bercakap menggunakan bahasa ibunda masing-masing.

Bagi seni bela diri yang dipaparkan dalam filem ini adalah tai chi dan silat. Pemaparan perempuan Melayu menguasai seni bela diri tai chi yang sinonim dengan etnik Cina memperlihatkan penerimaan budaya dan keterbukaan dari segi budaya ini mengubah corak pemikiran dan kehidupan yang membentuk masyarakat Malaysia beridentiti Malaysia. Bagi silat pula merupakan seni bela diri yang sinonim dengan masyarakat Melayu turut dipaparkan dalam filem ini. Penggunaan keris semasa silat merepresentasikan kebudayaan Melayu dahulu yang menggunakan keris sebagai senjata mempertahankan diri. Keris bagi bangsa Melayu merupakan satu senjata ampuh yang boleh menyebabkan maut jika digunakan dalam pertarungan (Khamis Mohamad *et al.* 2012).

Selain itu, pemaparan multi-budaya memperlihatkan filem ini dapat ditafsirkan sebagai filem ideal yang mengangkat tema berbilang bangsa dan multibudaya. Kewujudan kepelbagaian etnik yang hanya membentuk satu budaya Malaysia merupakan perlambangan yang dapat dikaitkan dengan konsep 1 Malaysia yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak.



Bingkai 5

Pembingkaian 5 merepresentasikan perpaduan dalam etnik di Malaysia. Pemaparan ini jelas memperlihatkan etnik Melayu, Cina dan India di dalam babak tersebut. Perpaduan boleh ditakrifkan sebagai gabungan dua atau lebih unsur, elemen atau bahagian untuk menjadi satu (Mohamad Zahir, 2018). Pembingkaian Perpaduan ini meliputi penyatuan dengan amalan dan cara hidup dalam kehidupan seharian, bagi membentuk identiti bangsa Malaysia. Selain itu, filem-filem lain seperti filem-filem P.Ramle juga menyentuh berkenaan perpaduan di Malaysia (Mahyuddin Ahmad, 2011).

Bagi subteks lain, filem ini memaparkan kehidupan masyarakat Malaysia seharian dengan berlakunya pencampuran etnik dalam kehidupan. Ini merupakan simbol yang melambangkan perpaduan kaum dan simbol identiti bangsa Malaysia. Perpaduan dengan penyatuan amalan dan cara hidup dalam kehidupan seharian bersama percampuran etnik-etnik dalam membentuk identiti nasional. Pemaparan ini sekali gus merepresentasikan masyarakat yang mempunyai sifat anti-etnosentrisme. Sifat anti-etnosentrisme ini wujud dalam pembingkaian ini bagi mencari persamaan, perkongsian nilai dan sikap saling menghormati antara etnik dalam kesepaduan sosial.

Rumusan Analisis Teks


Hasil daripada analisis teks terhadap filem NL 2.0 ini dapatlah disimpulkan bahawa naskah ini secara keseluruhannya mempunyai penafsiran mesej yang berbeza dari setiap bingkai yang dipaparkan. Pemaparan identiti etnik sangat jelas dapat dilihat melalui pemaparan identiti etnik Melayu dan India dari segi sosiobudaya masyarakat etnik masing-masing. Pemaparan pakian tradisional setiap etnik Melayu, Cina dan India melambangkan identiti etnik masing-masing yang wujud di Malaysia.

Selain itu, pemaparan etnik-etnik dalam bingkai 3 dapat dilihat filem ini memaparkan etnik secara ideal, yang mana etnik-etnik yang dipaparkan adalah sama rata dan tidak ada satu etnik pun yang begitu menonjol. Pemaparan bahasa dan seni bela diri juga memperlihatkan identiti etnik itu sendiri. Filem ini mempersembahkan pelbagai bahasa dari pelbagai etnik di Malaysia. Pemaparan ini boleh dikaitkan dengan realiti kehidupan masyarakat Malaysia.

Bagi pemaparan bingkai perpaduan adalah simbolik kepada masyarakat Malaysia yang sentiasa bersatu padu. Hal ini kerana, walaupun berlakunya pencampuran etnik dalam kehidupan seharian ianya dapat merepresentasikan masyarakat yang mempunyai sifat anti-etnosentrisme. Sifat anti-etnosentrisme yang wujud dalam filem ini bagi mencari persamaan iaitu identiti nasional.

Analisis Tematik

Rajah 1 memaparkan pendekatan neo-realisme yang membentuk tema Sosiobudaya, Multi-budaya dan Perpaduan hasil daripada perbincangan kumpulan fokus.



Rajah 1: Pendekatan Neo-realisme

Neo-realisme adalah gambaran awal tentang sesuatu perkara sebenar (terutamanya aspek kehidupan) dan tidak bersifat khayalan (Bazin Andre diterjemah oleh Gray Hugh, 1972).

Tema 1: Sosiobudaya

Pendekatan neo-realisme yang dipaparkan oleh Namewee dalam filem ini sangat jelas melalui representasi sosiobudaya masyarakat di Malaysia. Namewee dilihat sangat bijak menggunakan pendekatan neo-realisme dalam naskah ini melalui pembingkai etnik di Malaysia dari segi sosiobudaya iaitu berkenaan sesuatu perkara sebenar (terutamanya aspek kehidupan) dan tidak bersifat khayalan.

Pendekatan neo-realisme ini membawa kepada cerminan realiti kehidupan masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia pada masa kini yang mana informan mengaitkan naskah filem alternatif ini dengan kehidupan seharian. Selain itu juga, kajian ini melihat pendekatan neo-realisme membentuk sosiobudaya kepelbagaian kaum dalam naskah filem dan realiti sebenar informan. Tema ini merujuk sosiobudaya masyarakat majmuk di Malaysia dari segi cara hidup, adat, sikap bertolak ansur dan penerimaan terhadap etnik lain. Bagi informan lelaki berbangsa Melayu menyatakan bahawa beliau sering bertukar-tukar menu makanan dengan rakannya berbangsa Cina semasa perayaan Aidilfitri begitu sebaliknya semasa perayaan Tahun Baru Cina, rakannya berbangsa Cina akan membalas semula menu makanan tersebut (rujuk bingkai 1) (LM3). Ini turut dipersetujui oleh informan lain:

“Dalam keluarga, pakcik-pakcik saya ada kahwin dengan Melayu dengan *Chinese*, so bila time raya puasa dan tahun baru Cina kami datang ke rumah mereka,” (PI5).

“All my friends are from different races, I have Malay, Chinese, India, Punjabi and others, they visit me when we celebrate the festivals,” (LC5).

“Kakak saya kawin dengan Melayu, bila hari rayakan kami sekeluarga sambut sama dialah, kalau *Chirstmas* pula dia datang sambut sama kami,” (PSB3).

Ini menjelaskan wujudnya pendekatan neo-realisme dalam kehidupan informan. Pendekatan neo-realisme ini dapat dilihat melalui sosiobudaya iaitu budaya kunjung mengunjung semasa perayaan dan penerimaan budaya lain dalam kehidupan berbilang kaum. Pendekatan neo-realisme mencerminkan realiti kehidupan informan berbilang kaum. Informan dilihat berjaya mengaitkan naskah filem dengan realiti kehidupan etnik masing-masing. Hasil ini sama dengan kajian oleh Mariah Muda (2007) iaitu Keterlibatan Audien Remaja Mengikut Etnik Dengan Genre Didik-Hibur di Televisyen Malaysia, yang mendapati bahawa audien remaja melakukan proses identifikasi iaitu menyamakan diri sendiri dengan watak-watak dalam iklan dan audien sering kali dilihat mengaitkan perbincangan dengan iklan-iklan kemasyarakatan yang menunjukkan kehidupan sosiobudaya masyarakat masing-masing. Melalui pendekatan neo-realisme ini dapat meningkatkan lagi keharmonian hubungan sosial dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik menerusi cerminan media.

Tema 2: Multi-budaya

Selain itu, naskah ini juga berjaya membawa pendekatan neo-realisme dalam filem dengan mengaitkan kehidupan di alam nyata. Pendekatan neo-realisme memaparkan realiti kehidupan rakyat pelbagai etnik di Malaysia. Pendekatan neo-realisme yang dipaparkan oleh Namewee dalam filem ini sangat jelas melalui representasi kepelbagaian kebudayaan etnik di Malaysia melalui bahasa, seni bela diri dan pakaian tradisional. Pendekatan neo-realisme ini membawa kepada cerminan realiti kehidupan masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia pada masa kini. Penerimaan terhadap kaum lain dalam kehidupan menunjukkan penyatuan yang utuh yang membawa pendekatan neo-realisme sebagai nyata.

Cerminan yang di pantulkan melalui pendekatan neo-realisme ini meliputi penyatuan dengan mengambil kira nilai-nilai etnik yang bersifat positif merangkumi semua aspek kehidupan iaitu amalan, cara hidup, pergaulan dalam kehidupan seharian, kesatuan dalam idea, dan menjaga hubungan baik di antara satu dengan yang lain. Bagi informan perempuan berbangsa India menyatakan bahawa beliau cuba untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan etnik Melayu dan belajar bahasa Mandrin untuk bertutur bersama etnik Cina (rujuk bingkai 4) (PI2). Ini turut dipersetujui oleh informan lain:

“Saya cuba belajar masakan Cina, guna *chopstick* dan belajar perlahan-lahan cakap Mandrin,” (PM1).

“Pernah satu hari ada majlis di sekolah, saya cuba pakai sari, *it's looks nice. I bought one and if got depavali festival I wear that one and visit my friends house,*” (PC2).

“Saya suka pakai baju Melayu, setiap hari Jumaat, walaupun saya berbangsa Cina,” (LC3).

Melalui perkongsian ini memperlihatkan bahawa informan juga mengamalkan kehidupan multi-budaya dalam diri mereka. Penerimaan dan keterbukaan mereka terhadap amalan budaya dan gaya hidup yang dikaitkan berdasarkan filem menjadikan pendekatan neo-realisme diterima dalam naskah ini. Pendekatan neo-realisme yang dapat dilihat melalui naskah NL 2.0 adalah pemaparan realiti kehidupan rakyat. Pembingkai yang terdiri daripada pelbagai etnik serta memaparkan kebudayaan masing-masing melalui bahasa dan seni bela diri. Ini dapat dilihat melalui penggunaan bahasa yang digunakan antara kaum Melayu dan kaum Cina dalam bingkai ini.

Tema 3: Perpaduan

Tema yang lain adalah perpaduan. Naskah ini memaparkan masyarakat yang mempunyai sifat anti-etnosentrisme. Sifat anti-etnosentrisme ini wujud dalam naskah ini bagi mencari persamaan, perkongsian nilai dan sikap saling menghormati antara etnik dalam kesepaduan sosial. Seterusnya, ini menafikan sentiment primordial wujud dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Perpaduan adalah sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum mestilah bersatu hati dalam menyelesaikan masalah, bermuafakat dalam pelbagai hal, bekerjasama di antara satu sama lain dan juga berunding untuk menyatukan dan menjadi satu bangsa yang kuat (Norlina *et al*, 2014).

Salah satu ideologi yang diterapkan oleh kerajaan adalah perpaduan. Bagi mengukuhkan integrasi nasional di Malaysia perpaduan perlu dipupuk melalui pelbagai medium. Salah satu pemupukan perpaduan ditonjolkan di dalam filem ini, responden lelaki dari Sabah ini menyatakan bahawa sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya saling bekerjasama dan tolong menolong (LSS2). Selain itu, nilai perpaduan dapat dilihat melalui hubungan sosial dan sifat sayang menyayang, ini turut dipersetujui oleh responden yang lain:

“The second part is, we always help other people. No matter we Chinese or Indian or Malay, we should help each other,” (LC1).

“Bagi saya kita sebagai rakyat Malaysia harus bekerjasama dalam semua hal. Contohnya, kawasan kejiranan saya ramai Cina, bila kami balik kampung, ayah saya akan minta jiran kami yang berbangsa Cina untuk tengok-tengokkan rumah kami, begitu juga kalau mereka pulang ke kampung,” (MX4).

“We should be 1 Malaysia, everybody should support each other and we should love each other. Because we born as Malaysian,” (PI4).

Hal ini memperlihatkan bahawa perpaduan yang terbentuk di dalam filem ini dapat dirasai oleh informan. Pendekatan neo-realism dalam filem ini membawa kepada realiti hubungan etnik dan

perpaduan dalam diri informan. Pemaparan ini juga jelas menafikan yang wujudnya polarisasi hubungan etnik dalam naskah ini.

Perbincangan

Perkongsian tema Sosiobudaya, Multi-budaya dan perpaduan dapat dilihat melalui pementakan dari analisis tekstual dan perbincangan kumpulan fokus membentuk tema utama iaitu pendekatan neo-realisme. Pementakan ini meliputi pementakan etnik di Malaysia dari segi sosiobudaya iaitu berkenaan sesuatu perkara sebenar (terutamanya aspek kehidupan) dan tidak bersifat khayalan. Pementakan yang terdiri daripada pelbagai etnik serta memaparkan kebudayaan masing-masing melalui bahasa, seni bela diri, dan adat kunjung mengunjung merupakan cerminan realiti kehidupan masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia pada masa kini. Penerimaan terhadap kaum lain dalam kehidupan menunjukkan penyatuan yang utuh yang membawa pendekatan neo-realisme sebagai nyata. Penyatuan ini mengambil kira nilai-nilai etnik yang bersifat positif merangkumi semua aspek kehidupan iaitu amalan, cara hidup, pergaulan dalam kehidupan seharian, kesatuan, dan menjaga hubungan baik di antara satu dengan yang lain. Informan dilihat berjaya mengaitkan naskah filem dengan realiti kehidupan etnik masing-masing.

Pementakan neo-realisme dapat dilihat dengan jelas melalui pemaparan kepelbagaian kebudayaan etnik di Malaysia iaitu masing-masing melalui bahasa dan seni bela diri. Pementakan neo-realisme ini membawa kepada cerminan realiti kehidupan masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia pada masa kini yang terdiri daripada etnik etnik Melayu, Cina dan India dalam filem NL 2.0. Pementakan ini meliputi penyatuan dengan mengambil kira nilai-nilai etnik yang bersifat positif merangkumi semua aspek kehidupan iaitu amalan, cara hidup, pergaulan dalam kehidupan seharian, kesatuan dalam idea, dan menjaga hubungan baik di antara satu dengan yang lain.

Penghasilan filem ini cuba memaparkan masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik secara semulajadi. Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan bangsa di mana majoritinya penduduknya mengamalkan cara hidup tersendiri (Lydiana Thessin, 2017). Ini menunjukkan bahawa filem ini cuba mencitrakan pemaparan etnik secara semulajadi bukan etnik yang dibuat-buat atau dikonstruksi secara paksaan. Hal ini dapat dilihat melalui dapatan kajian ini, walaupun masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, namun pandangan informan terhadap masyarakat Malaysia adalah sama iaitu masyarakat yang bersatu melalui konsep sosiobudaya, multi-budaya dan perpaduan. Menurut Mohd Ayop (2017), masyarakat Malaysia adalah bersifat 'heterogen' dengan kepelbagaian kaum, etnik, agama dan asal usul, namun perasaan kebersamaan dan kebersatuan yang tinggi dapat membangkitkan kesedaran nasional dalam satu kesatuan wilayah.

Perkongsian ini juga mendapati filem NL 2.0 ini merupakan cerminan realiti sosial informan dalam kehidupan seharian.

Realiti Hidup: Nasi Lemak 2.0-Neo-realisme

Teori yang telah digunakan dalam kajian ini adalah teori representasi media oleh Stuart Hall (1997). Teori ini merujuk kepada salah satu aspek yang berperanan dalam membentuk kebudayaan. Hall juga mendeskripsikan tiga pendekatan melalui teori ini iaitu reflektif, intensional dan konstruksionis. Secara jelasnya teori ini menggunakan ketiga-tiga pendekatan yang diutarakan oleh Hall. Representasi yang dipaparkan melalui filem NL 2.0 mempengaruhi informan dengan mengaitkan naskah filem dengan realiti kehidupan masing-masing dengan membentuk perkongsian pendekatan neo-realisme.

Melalui pendekatan reflektif yang mana ianya membolehkan informan melihat kembali makna dalam masyarakat sosial. Informan dapat memahami kandungan filem ini dengan baik dan menyatakan bahawa filem ini merepresentasikan perkongsian makna dalam mesej media melalui pemaparan latar belakang sosial kaum di Malaysia. Pementakan neo-realisme dapat dilihat dengan jelas melalui pemaparan kepelbagaian kebudayaan etnik di Malaysia iaitu masing-masing melalui bahasa dan seni

bela diri. Pemaknaan neo-realisme ini membawa kepada cerminan realiti kehidupan masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia pada masa kini yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India dalam filem *NL 2.0*. Pemaknaan ini meliputi penyatuan dengan mengambil kira nilai-nilai etnik yang bersifat positif merangkumi semua aspek kehidupan iaitu amalan, cara hidup, pergaulan dalam kehidupan seharian, kesatuan dalam idea, dan menjaga hubungan baik di antara satu dengan yang lain.

Bagi pendekatan intensional merupakan pandangan pengarah terhadap filem yang di hasilkan merepresentasikan sosiobudaya masyarakat Malaysia dan naskah ini juga mencitrakan pemaparan etnik secara semulajadi bukan etnik yang dibuat-buat atau dikonstruksi secara paksaan. Pemaknaan ini membawa kepada sokongan perlu diberikan kepada semua etnik di Malaysia bagi mencari persamaan dan perkongsian nilai dan sikap saling hormat menghormati yang wujud antara etnik. Pengarah cuba merepresentasikan sifat anti-etnosentrisme dalam filem *NL 2.0* dan menafikan perasaan bangga dalam kalangan anggota kelompok etnik sendiri.

Seterusnya, bagi pendekatan konstruksionis yang menaruh perhatian terhadap representasi melalui bahasa, termasuk kod-kod visual boleh di baca oleh penonton atau informan semasa menonton filem tersebut. Gerak-geri dan bahasa yang dilontarkan difahami oleh informan dan mengaitkannya di dalam kehidupan mereka. Bahasa yang direpresentasikan dalam filem ini adalah bahasa Mandarin, Bahasa Melayu, Inggeris, dan Tamil (Al Qayum, 2011). Filem ini juga merepresentasikan makna perpaduan dan semangat nasionalisme. Pemaknaan perpaduan direpresentasikan melalui hubungan yang erat, saling bekerjasama, berganding bahu dan tolong menolong antara satu sama lain.

Penutup

Penghasilan filem ini cuba memaparkan masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik secara semulajadi dan jelaslah menunjukkan bahawa filem alternatif sebagai wadah penyampaian ideologi yang membentuk penyatuan dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Kewujudan filem alternatif/indie telah memberi satu perspektif yang berbeza dalam industri filem tempatan dan menyuntik unsur neo-realisme dalam ruang-lingkup naskah filem tempatan.

Rujukan

- Al Qayum. (2011). *Penyatuan Bangsa Dalam Nasi Lemak 2.0*. Mstar Online. 20 September 2011.
- Bondanella, Peter. (2009). *A History of Italian Cinema*. The Continuum. New York.
- Boyatzis, R. E. *Transforming Qualitative Information: Thematic Analysis and Code Development*. Sage Publications London, 1998.
- Brennen, S Bonnie (2013). *Qualitative Research Methods for Media Studies*. Routledge. New York.
- Fahrul Islam (2003). Representasi Nasionalisme dalam Film “Tanah Surga...Katanya”, Universitas Mulawarman, Kalimantan Timur, *ejournal Ilmu Komunikasi* 1(2): 138-153.
- Farah Azalea Mohamed Al-Amin. (2008). Controversies Surrounding Malaysian Independent Female Director Yasmin Ahmad’s First Film, *Sepet*. *Persidangan Biennial ke-17. Persatuan Pengajian Asia di Australia*, Melbourne.
- Hall, Stuart (1997). *Representation: Cultural Representations and Signifying Practices*. Sage Publications, London.
- Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Abdul Latif Samian (2012). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 30(1), 105-119.
- King, Geoff (2014). *American Independent Cinema*. I. B. Tauris, New York.
- Lee Chin Suet dan Leven Woon. (2011). *Namewee’s Movie to hit Cinemas This Sept 8*. *Komunitikini.com*. 27 July 2011.
- Lee Yuen Beng (2015). *Yasmin Ahmad: Auteuring a New Malaysian Cinematic Landscape*. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*.
- Mahyuddin Ahmad (2011). *Between Desire and Hope: Ethnic Relations and The Notion of Bangsa Malaysia in Gadoh*. *Kajian Malaysia*. 29(1): 75-90. 2011

- Mariah Muda (2007). Keterlibatan Audien Remaja Mengikut Etnik Dengan Genre Didik-Hibur Di Televisyen Malaysia. Latihan Ilmiah. Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Mohd Ayop Abd Razid. (2017). Patriotisme Nilai Jati Diri Dorong Rakyat Gigih Bangunkan Negara. Dlm. Aariah Judah. Mentari. Bil 2. Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia, Putrajaya.
- Mohamad Zahir Zainudin (1994). Transformasi Sosial Malaysia: Kumpulan Esei. Kuala Lumpur.
- Nelmes, Jill. (1994). Introduction to Film Studies. Routledge, New York.
- Ngo Sheau Shi dan Harith Baharudin (2015). Pemaparan Kepelbagaian Budaya dan Agama dalam Filem Muallaf Arahan Yasmin Ahmad. Jurnal Wacana Seni, 14.
- Norlina M. Ali, Rafedah Sobiren dan Suhana Mohamed dalam Nooririnah Omar (2014). Keutuhan Perpaduan Melayu dalam Arus Modenisasi. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Pickowicz G., Paul dan Yingjin Zhang (2006). From Underground to Independent Alternative Film Culture in Contemporay China. Rowman dan Littlefield Publishers, USA.
- Poerwandari, E.K (2009). Pendekatan Kualitatif Untuk Penelitian Perilaku Manusia. Universitas Indonesia, Jakarta.